

TARIKH: 21/6/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 17

BH Rabu, 21 Jun 2023

Nasional

17

PERKESO bayar faedah SKSPS RM15.5 juta

4,890 orang kerja sendiri ditimpa kemalangan dapat manfaat

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengeluarkan faedah sebanyak RM15.5 juta kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang menarum melalui Skim Keselamatan

Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata 4,890 daripada 634,215 OBS yang menarum di bawah SKSPS dan ditimpa kemalangan mendapat manfaat hasil caruman dilakukan.

Katanya, sejak SKSPS diperkenalkan kerajaan sejak 1 Jun 2017 hingga Ahad lalu, hanya 634,215 OBS yang secara sukarela membuat caruman di bawah skim itu.

"Jumlah individu yang bekerja sendiri di seluruh negara adalah kira-kira 2.89 juta orang.

"Berdasarkan angka itu, hanya



Sivakumar meninjau proses pemulihan pesakit di Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

20 peratus atau 634,215 daripada 2.89 juta OBS membuat caruman di bawah SKSPS," katanya kepada media selepas mengadakan lawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO di Permai Hotel, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Sivakumar turut menyampaikan bantuan alat pemulihan kepada tiga penarum PERKESO yang sedang menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi Satelit berkenaan.

Sivakumar berkata, kira-kira

80 peratus daripada 2.89 juta OBS di seluruh negara belum membuat caruman di bawah SKSPS itu.

Pekerja 20 sektor layak mohon

Katanya, jumlah individu yang bekerja sendiri di 20 sektor termasuk penghantar makanan, barangan, nelayan dan petani serta yang melakukan aktiviti bekerja sendiri layak memohon untuk mendapatkan perlindungan di bawah SKSPS.

"Individu bekerja sendiri turut

layak mendapat perlindungan sepanjang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri sama seperti bekerja dengan majikan.

"OBS yang membuat caruman di bawah SKSPS layak mendapat perlindungan sama seperti yang bekerja dengan majikan," katanya.

Sivakumar berkata, PERKESO di seluruh negara sudah diminta supaya mengadakan kempen bagi menarik lebih ramai individu yang bekerja sendiri membuat caruman di bawah SKSPS.

Pusat rehabilitasi satelit Terengganu beri rawatan pemulihan lebih 500 individu

Kuala Terengganu: Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kuala Terengganu yang membantu proses rawatan rehabilitasi Orang Berinsurans (OB) berjaya memulihkan seramai 111 individu sejak beroperasi pada 28 Jun 2020.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata sehingga kini ia memberi manfaat rawatan pemulihan kepada 515 orang dan ia adalah pusat rehabilitasi satelit tunggal milik PERKESO yang beroperasi di Pantai Timur.

Katanya, walaupun hanya bertaraf satelit, ia dilengkapi dengan pelbagai peralatan robotik tercanggih bagi membantu proses rawatan rehabilitasi penarum PERKESO.

"Pusat rehabilitasi itu pemangkin produktiviti penarum PERKESO yang pernah mengalami kecederaan, tetapi masih mempunyai kecekalan untuk bekerja dan menyara kehidupan.

"Peralatan teknologi canggih disediakan di pusat rehabilitasi itu berupaya memberi sinar baru kepada penarum untuk



Pencarum PERKESO menjalankan sesi rawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu yang dilengkapi pelbagai peralatan robotik canggih bagi membantu proses rawatan pesakit. (Foto Ghazali Kori/BH)

mengorak langkah meneruskan kehidupan selepas mengalami bencana pekerjaan atau penyakit," katanya.

Terdahulu, Sivakumar me-

ngadakan lawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO di Permai Hotel dan turut menyampaikan bantuan alat pemulihan kepada tiga penarum PERKESO yang

sedang menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi Satelit berkenaan.

Yang turut hadir, Pengarah PERKESO negeri, Fariha Che

Husin dan Pengurus Besar Permai Hotel, Noralizan Abd Rahman.

Lima pusat rehabilitasi di seluruh negara

Sivakumar berkata, terdapat lima pusat rehabilitasi satelit di seluruh negara, termasuk di Terengganu.

Katanya, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM650 juta untuk pembinaan pusat rehabilitasi di Meru, Ipoh, Perak.

Katanya, projek pembinaan pusat rehabilitasi itu sudah siap 20 peratus dan dijangka beroperasi sepenuhnya akhir tahun depan.

"Kerajaan bercadang untuk membina pusat rehabilitasi bersaiz besar di seluruh negara, tetapi kekangan kewangan dihadapi menyebabkan kita terpaksa menggunakan kaedah lain menampung kos pembinaan.

"Setakat ini pusat rehabilitasi besar yang boleh menampung rawatan kepada lebih ramai penarum adalah di Melaka," katanya.